

1. APABILA DIBERHENTIKAN POLIS

1.1 Sekiranya polis tersebut tidak memakai pakaian seragam

Tanya beliau mengenai kad kuasa beliau

1.2 Kad Kuasa Polis

Warna Merah: Anggota polis tersebut telah digantung. Beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk berbuat apa-apa. Anda tidak perlu mengendahkan beliau.

Warna-warna lain:

Warna Biru: Polis yang berpangkat Inspektor dan keatas.

Warna Kuning: Polis yang berpangkat dibawah Inspektor

Warna Putih: Polis Simpanan

Ambil perhatian nama dan nombor anggota polis pada Kad Kuasa Polis.

1.3 Di dalam Pakaian Seragam

Ambil perhatian nama dan nombor anggota polis pada pakaian seragamnya.

1.4 Kenderaan Polis

Ambil perhatian tentang nombor pendaftaran pada kereta peronda, motosikal atau kenderaan polis tersebut.

2. APABILA DISOAL OLEH POLIS

2.1 Pengenalan Anda

Anda cuma perlu berikan nama, kad pengenalan dan alamat sahaja.

2.2 Seandainya ditanya soalan-soaian lain

Anda boleh bertanya, "Adakah saya ditahan?"

2.3 Bilakah anda ditahan

Anda ditahan apabila anggota polis itu

- menjawab "ya" pada soalan di atas
- beliau tidak membenarkan anda meninggalkan tempat tersebut atau ingin membawa anda ke balai polis
- apabila anda digari

Jika anda tidak ditahan anda boleh berlepas dari tempat tersebut atau enggan mematuhi arahan beliau untuk ke balai polis atau tempat lain jika diarahkan.

2.4 Bilakah anda tidak boleh ditahan

Polis tidak boleh menahan anda semata-mata kerana anda berkemungkinan menjadi seorang saksi dan polis ingin mengambil kenyataan saksi daripada anda (Kenyataan saksi/112).

3. SOALJAWAP OLEH POLIS TANPA PENAHAAN

3.1 Kenyataan saksi/112

Apabila pihak Polis menjalankan siasatan mengenai sesuatu kes dan berpendapat bahawa anda tersebut, pihak Polis boleh menyolo anda dan menulis jawapan-jawapan anda (Kenyataan saksi/112).

3.2 Permintaan rasmi/tidak rasmi

Selalunya, pihak polis membuat permintaan tidak rasmi untuk anda memberikan Kenyataan saksi/112. Sekiranya tempat dan waktu adalah bersesuaian, beri kerjasama. Sekiranya tidak, beritahu Polis yang anda akan berbuat demikian pada tempat dan waktu yang bersesuaian. Sekiranya anda enggan bekerjasama sama-sekali, Polis akan mengeluarkan suatu perintah rasmi yang ditandatangani oleh pegawai penyiasat (Perintah Polis) untuk meminta anda bekerjasama.

3.3 Memberikan Kenyataan saksi/112

Anda mempunyai hak untuk meminta seorang peguam menemani anda. Ini adalah dinasihatkan. Di dalam memberikan Kenyataan saksi/112, anda boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang boleh mendedahkan anda kepada apa-apa kesalahan jenayah.

- Bawa bersama anda buku nota atau kertas tulisan (nota peribadi).
- Tulis semua soalan yang ditanya di dalam nota peribadi.
- Pastikan anda memahami setiap soalan yang ditanya.
- Ambil masa dan fikir berhati-hati sebelum menulis jawapan di dalam nota peribadi.
- Baca jawapan anda kepada Pegawai Polis yang menyolo anda.
- Simpan nota peribadi untuk rujukan di masa hadapan.

3.4 Menandatangani Kenyataan saksi/112 anda

Sebelum menandatangani kenyataan anda, baca solan-soalan dan jawapan-jawapan yang ditulis oleh Pegawai Polis secara berhati-hati.

- Bandingkan kenyataan yang anda disuruh tandatangani dengan nota peibadi anda.
- Anda mempunyai hak untuk membuat pembetulan/perubahan kepada kenyataan anda sebelum menandatangannya.
- Tuliskan tandatangan anda di bawah ayat penghabisan kenyataan anda.

Sekiranya anda gagal mematuhiinya, anda tidak boleh ditangkap. Akan tetapi, itu adalah satu kesalahan dan pihak Polis boleh meminta Majistret untuk mengeluarkan suatu waran terhadap anda untuk memaksa anda bekerjasama.

4. PENAHAAN OLEH POLIS

4.1 Apabila ditahan tanya, "mangapa saya ditahan?"

Setiap tahanan yang dibuat tanpa dimaklumkan sebabnya adalah satu tahanan yang salah.

4.2 Jangan melawan

Anggota polis mempunyai hak untuk menggunakan kekasaran yang munasabah sekiranya anda melawan.

4.3

Tanya - "Ke balai mana encik hendak membawa saya?"

Anggota polis tersebut hendaklah membawa anda dengan segera ke balai polis berdekatan dan tidak ke tempat lain.

4.4

Apa perlu dibuat setelah dimaklumkan tentang tangkapan.

Anda mempunyai hak untuk membuat panggilan telefon. Buat panggilan kepada keluarga, peguam atau Pusat Bantuan Guaman. Maklumkan mereka:-

- Anda telah ditangkap.
- Masa, tempat dan sebab-sebab tangkapan.
- Pengenalan anggota polis yang menangkap.
- Balai polis kepada mana anda dibawa.

4.5

Apa terjadi selepas tangkapan?

Anda boleh ditahan sehingga 24 jam:

- Di balai polis atau
 - Di lokap balai polis
- dengan tujuan untuk membantu siasatan polis.

5. HAK-HAK ANDA KETIKA DALAM TAHANAN

5.1

Hak untuk menghubungi Peguam

Awak mempunyai hak untuk berhubung dengan peguam dan nyatakan kehendak anda untuk berbuat demikian.

5.2

Pakaian

Anda boleh mempunyai satu set pakaian semasa di dalam lokap.

5.3

Barangan Persendirian

Anggota polis hendaklah merekodkan segala barangan persendirian anda di dalam penjagaan yang selamat. Barangan-barangan ini hendaklah dipulangkan sebaik sahaja anda dilepaskan.

5.4

Kebajikan

Anda dibenarkan untuk mandi 2 kali sehari. Sekiranya anda sakit, anda boleh mendapatkan rawatan dengan segera.

Anda hendaklah diberikan makanan, minuman yang wajar dan mencukupi sepanjang tahanan.

5.5

Berapa lama polis boleh menahan anda

Polis boleh menahan anda sehingga 24 jam unruk siasatan. Adalah menjadi tanggungjawab polis untuk menyiapkan siasatan dalam tempoh 24 jam dan melepaskan anda secepat yang mungkin.

Seandainya polis tidak dapat menyelesaikan siasatan mereka di dalam masa 24 jam, Polis mesti membawa anda ke hadapan seorang Majistret untuk satu Perintah Reman untuk menyambung penahanan anda melepas 24 jam.

6.

PERINTAH REMAN OLEH MAJISTRET

6.1

Siapakah Majistret

Majistret adalah seorang pegawai Mahkamah yang mempunyai kuasa samada untuk memberi Perintah Reman untuk menahan anda lebih dari 24 jam.

<p>6.2 Tujuan Perintah Raman la adalah bertujuan untuk memberikan lebih banyak masa kepada Polis untuk menyelesaikan siasatan mereka dan memutuskan samada terdapat keterangan untuk membuat pertuduhan kesalahan jenayah terhadap anda. Pihak polis tidak boleh memohon Perintah Reman semata-mata bagi tujuan mendapatkan kenyataan daripada anda.</p>	<p>6.3 Jangka hayat Perintah Reman Apabila anda dibawa ke hadapan Majistret untuk Perintah Reman, Polis mestilah memberikan sebab-sebab mengapa anda perlu ditahan melebihi 24 jam. Majistret bertugas mestilah memberikan pertimbangan yang wajar terhadap sebab-sebab yang diberikan Polis.</p> <p>Polis selalunya akan memohon penahanan lanjutan se lama 14 hari atau kurang.</p> <p>Majistret, selepas memberikan pertimbangan wajar sebab-sebab yang diberikan oleh Polis, mempunyai budi bicara:</p> <ul style="list-style-type: none"> • untuk tidak membenarkan Perintah reman; atau, • untuk membuat Perintah reman untuk suatu jangkamasa yang lebih pendek dari yang dipohon Polis. <p>Polis boleh membuat lebih daripada satu permohonan untuk Perintah Reman. Walaubagaimanapun, anda tidak boleh ditahan lebih daripada 15 hari kesamuanya.</p>	<p>7.2 Apakah yang perlu anda lakukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jangan benarkan polis untuk memasukkan tangan mereka ke dalam saku atau beg anda. • Kosongkan saku /beg anda di hadapan polis secara sukarela untuk memastikan anda dapat ngawasi barang anda. <p>Keluarkan barang anda satu demi satu. Setiap kali sebut sebagai contoh "purse", "kunci", "kad pengenal" dan sebagainya. Apabila saku / beg anda kosong, terbalikkan saku / beg tersebut</p>	<p>9.4 Polis tidak berhak untuk memaksa anda memberi Kenyataan 113 Setelah memberi Butir-Butir Peribadi tetapi polis mengugut untuk memaksa anda untuk memberi kenyataan bertulis:</p> <ul style="list-style-type: none"> • bertenang dan berdiam diri; • polis tidak berhak untuk mengugut, memukul atau <p>Sekiranya anda telah diugut, dipukul ataupun dipaksa, buat laporan Polis terhadap Pegawai Polis berkenaan secepat mungkin. Ini adalah hak anda.</p>
<p>6.4 Apakah langkah yang perlu anda ambil sekiranya anda dihadapkan ke</p> <p>Majistret Maklumkan kepada Majisiret bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • anda ingin mendapatkan representasi peguam dan memaklumkan kepada LAC serta keluarga anda. • anda ingin mendapatkan bantuan perubatan kerana anda tidak sihat atau telah didera, • anda telah diugut atau didera semasa di dalam tahanan (jika ada). • anda telah dinafikan dengan makanan / air / pakaian yang sewajarnya, tandas atau perhatian perubatan yang sewajarnya semasa di dalam tahanan (jika ada). • samada polis telah menjalankan penyiasatan semasa anda di dalam tahanan. 	<p>7.3 Hak-hak anda</p> <ul style="list-style-type: none"> • Wanita hanya boleh diperiksa badan mereka oleh pegawai polis wanita sahaja. • Setiap pemeriksaan badan perlu dilakukan dengan penuh sopan (sebagai contoh: bahagian sulit tidak boleh disentuh). • Tidak ada undang-undang membolehkan anda dibogelkan. 	<p>8 PEMERIKSAAN BADAN APABILA DITAHAN</p> <p>8.1 Bilakah polis boleh melakukannya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Polis mempunyai kuasa untuk melakukan pemeriksaan badan bagi objek yang berhubung dengan kesalahan yang disyaki. • Pemeriksaan badan harus dilakukan di dalam kawasan yang terlindung. Adalah menjadi hak anda untuk diperiksa di kawasan yang terlindung. <p>8.2 Pemeriksaan badan secara bogel Walaupun semasa anda ditahan, tidak ada undang-undang membolehkan Polis memaksa anda dibogelkan. Sekiranya anda dipaksa untuk bogel / diugut sekiranya anda enggan berbogel:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bantah. • Pastikan anda dapatkan nama pegawai polis tersebut. • Buat laporan selepas kejadian tersebut. 	<p>9.5 Sekiranya anda ingin memberikan Kenyataan 113 Ikat perkara-perkara di dalam perenggan-perenggan 3.3 dan 3.4 di atas.</p> <p>Sekiranya anda tidak mempunyai buku nota/kertas tulisan, minta dari Pegawai Polis.</p> <p>Kenyataan 113 anda boleh digunakan sebagai keterangan terhadap anda di dalam Mahkamah untuk membuktikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • anda telah mengakui/membuat pengakuan terhadap kesalahan jenayah sebagaimana yang dituduh; atau, • anda telah mengakui/membuat pengakuan mengenai sebarang fakta yang boleh menunjukkan bahawa anda bersaiah di dalam kesalahan yang dituduh.
<p>6.5 Pohon untuk Perintah Reman yang singkat Pohon untuk Perintah Reman yang singkat sebelum Majistret memberi Perintah Reman. Beri alasan-alasan (sebagai contoh: "saya akan bekerjasama dengan polis di dalam siasatan", "saya akan hadir setiap kali polis memerlukan saya" dan sebagainya).</p>	<p>7.4 PEMERIKSAAN BADAN TANPA TAHANAN</p> <p>Bilikah ia boleh dilakukan</p> <p>Sekiranya anda berada di tempat (sebagai contoh: karaoke / kelab) di mana polis sedang melakukan serbuan atau mencari sesuatu (sebagai contoh: dadah berbahaya), polis berhak untuk melakukan pemeriksaan badan/beg anda tanpa menahan anda. Ia hanya boleh dilakukan dengan kehadiran pegawai polis yang berpangkal tidak kurang daripada inspektor,</p>	<p>9.1 Kenal pasti pegawai polis yang menyatakan siasatan anda. Pastikan nama <i>I</i> pangkat pegawai polis yang menyatakan siasatan anda.</p> <p>9.2 Hak memilih untuk berdiam diri Polis lazimnya akan memulakan perbualan ramah mesra (sebagai contoh: soalan-soalan mengenai keluarga anda, kawan-kawan dan sebagainya). Anda harus bersopan. Jangan khuatir untuk berdiam diri. Itu adalah hak anda.</p>	 <p>POLICE AND YOUR BASIC RIGHTS</p> <p>Published in conjunction with TANGKAP (Tindakan Anti Penyalahgunaan Kuasa Polis)</p> <p>www.malaysianbar.org.my</p>
<p>7.5 SOAL-SIASAT OLEH POLIS SELEPAS DITAHAN</p>	<p>9.3 Polis inginkan kenyataan bertulis (Kenyataan 113) daripada anda Polis akan menyatakan anda dan kemudian menulis jawapan anda. Anda hanya perlu memberi nama penuh, umur, alamat dan pekerjaan (Butir-butir peribadi). Selain daripada memberi Butir-butir peribadi, anda berhak untuk berdiam diri. Sekiranya anda memilih untuk berdiam diri, katakan: "Saya akan menjawab di Mahkamah".</p>	<p>PUSAT BANTUAN GUAMAN / LEGAL AID CENTRES (LAC)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kuala Lumpur : 03-2691 3005 / 03-2693 2072 • Selangor : 03-3372 2792 • Negeri Sembilan : 06-7633 035 • Melaka : 06-2845 519 / 06-2864 514 • Johor : 07-2235 698 • Perak : 05-2550 523 • Kedah & Perlis : 04-7333 467 • Kelantan : 04-7448 660 • Pahang : 09-5159 244 / 09-2969 410 • Pulau Pinang : 04-2617 451 / 04-3316 830 	<p>"Law stated as at 1st August 2007. Check www.malaysianbar.org.my for updates"</p>